



No. Ruj.: DOF.UKK.100-9/1/1 (42)

## SIARAN MEDIA

### **PROGRAM HARI PERIKANAN 2025 (PHP 2025) - LAUTAN MENJAMIN KEMAMPAHAN SUMBER PERIKANAN**

**PUTRAJAYA, 30 Oktober 2025** – Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) akan menganjurkan Program Hari Perikanan 2025 (PHP 2025) pada 31 Oktober hingga 2 November 2025 di Pantai Merdeka, Kuala Muda, Kedah. Program berkonsepkan karnival ini bertemakan “Lautan Menjamin Kemampuhan Sumber Perikanan” dan dijangka menarik lebih 20,000 pengunjung sepanjang tiga hari penganjuran.

Majlis perasmian rasmi PHP 2025 akan disempurnakan oleh YBhg. Dato’ Luqman bin Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan), Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) pada 1 November 2025 (Sabtu), pukul 11.00 pagi. Manakala Majlis Penyempurnaan Karnival myAgropreneur (myAP) & myKomuniti Perikanan (myKP) Kebangsaan serta Rasa-Rasa Akuakultur akan disempurnakan oleh YBhg. Dato’ Haji Adnan bin Hussain, Ketua Pengarah Perikanan pada 2 November 2025 (Ahad), pukul 2.00 petang.

Penganjuran ini bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan pemuliharaan sumber perikanan dan kelestarian ekosistem marin serta darat. Ia turut menjadi platform untuk memperkukuh kerjasama strategik antara agensi kerajaan, rakan industri dan komuniti perikanan dalam mempromosikan pembangunan teknologi serta inovasi sektor perikanan negara.

#### **Tarikan dan Pengisian Program**

##### **1. Aktiviti Interaktif**

Pengunjung berpeluang menyertai pelbagai aktiviti menarik seperti pameran **Virtual Reality (VR) myGAP, simulator vesel, touch pool marine, fish scooping**, serta pertandingan meneka bilangan benih ikan dan berat tilapia. Demonstrasi dan uji rasa masakan turut diadakan, antaranya **tuna golek, gulai temenung, gulai udang galah, somtam latok dan shell out**.

##### **2. Jualan Usahawan dan Agro MADANI**

Sebanyak 50 usahawan dan rakan strategik Jabatan akan mempamer dan menjual pelbagai produk perikanan tempatan termasuk ikan bekok, udang sanggol, tiram, produk tuna dan patin tempoyak. Turut diadakan Jualan RAHMAH oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri (KPDN) dan Jualan Agro MADANI (JAM) yang menawarkan barangan asas pada harga berpatutan. Setiap pembelian minimum RM20 melayakkan pengunjung menyertai cabutan bertuah harian dengan pelbagai hadiah menarik disediakan.

### 3. **Fun Run / Fun Walk dan Sukan Rakyat**

Acara Fun Run / Fun Walk akan memeriahkan program dengan aktiviti senamrobik bersama Kementerian Belia dan Sukan (KBS), disusuli pelbagai acara sukan rakyat seperti tarik upih, tangkap belut, galah panjang, tarik tali, mewarna batik dan sepak penalti. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama Merdeka Beach Resort bagi menyemarakkan semangat kesukanan dan perpaduan komuniti setempat.

### 4. **Pameran Jabatan dan Agensi**

Sebanyak 20 agensi kerajaan dan jabatan akan menyertai pameran ini termasuk Jabatan Pertanian (DOA), Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS), Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS), Lembaga Tabung Haji (TH), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan Jabatan Kesihatan Negeri Kedah (JKN Kedah). Jabatan Perikanan Malaysia turut memperkenalkan pelbagai inovasi hasil penyelidikan Institut Penyelidikan Perikanan (IPP) serta mempamerkan spesies akuakultur seperti ikan kelisa, udang marin dan ikan akuaskap.

### 5. **Penampilan Khas Bazli UNIC**

Artis nasyid terkenal Bazli UNIC akan mengadakan demonstrasi dan uji rasa masakan ikan susu pada 1 November 2025, pukul 12.30 tengah hari, serta persembahan khas pada pukul 8.00 malam. Semua aktiviti adalah **percuma dan terbuka kepada orang ramai**.

Penganjuran PHP 2025 merupakan manifestasi komitmen Jabatan Perikanan Malaysia dalam memperkukuh kesedaran awam terhadap kelestarian sumber marin serta memupuk penglibatan komuniti dalam usaha pemuliharaan sumber perikanan negara. Melalui penyertaan aktif pelbagai pihak, Jabatan yakin program ini mampu menjadi pemangkin kepada peningkatan ekonomi komuniti perikanan serta mengukuhkan keterjaminan makanan negara.

#### **Pautan gambar :**

<https://drive.google.com/drive/folders/1aR29g-1DgzvTv3zQs3fLRNzIH8fiJ57V>

**-TAMAT-**

Dikeluarkan oleh:

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

E-mel : [ukk@dof.gov.my](mailto:ukk@dof.gov.my)